From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KUNJUNGAN SOL KE TIGA UNIVERSITI DI KALIMANTAN TENGAH BUKA PELUANG KOLABORASI AKADEMIK JANGKA PANJANG
Date: Wednesday, 2 September, 2026 4:54:16 PM
Attachments: image002.png
imagesuu3.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

2 SEPTEMBER 2026 / 20 RABIULAWAL 1448H
==========
Berita oleh: Prof. Madya Dr. Nor Anita Abdullah
Gambar: Jurugambar dari UPR, UIN dan UMPR

KUNJUNGAN SOL KE TIGA UNIVERSITI DI KALIMANTAN TENGAH BUKA PELUANG KOLABORASI AKADEMIK JANGKA PANJANG



UUM ONLINE: Palangka Raya – Pusat Pengajian Undang-undang (SOL), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuh jaringan akademik antarabangsa melalui kunjungan ke tiga institusi pengajian tinggi utama di Kalimantan Tengah, Indonesia, iaitu Universitas Islam Negeri (UIN) Palangka Raya, Universitas Palangka Raya (UPR) dan Universitas Muhammadiyah Palangka Raya (UMPR).

Kunjungan ini diketuai oleh Dekan SOL UUM, Prof. Dr. Harlida Abdul Wahab, bersama Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Nor Anita Abdullah. Lawatan ini bukan sahaja bertujuan memperkukuh hubungan sedia ada, malah menjadi platform untuk meneroka peluang kerjasama baharu dalam bidang akademik, penyelidikan, penerbitan dan mobiliti.

Selain mengadakan kunjungan hormat, SOL turut mengambil peluang untuk mempromosikan program-program akademik yang ditawarkan oleh UUM, dengan penekanan khusus kepada program-program dalam bidang undang-undang. Pada masa yang sama, delegasi turut memperkenalkan kepelbagaian program pengajian lain yang ditawarkan oleh UUM yang berpotensi menarik minat mahasiswa dan pensyarah daripada ketiga-tiga institusi.

Kunjungan ke UIN Palangka Raya merupakan kesinambungan hubungan akademik yang telah terjalin antara UUM dan institusi tersebut sejak tahun 2015. Hubungan ini telah diteruskan melalui beberapa siri kunjungan dan pertukaran delegasi antara kedua-dua institusi.

Delegasi SOL turut mengadakan pertemuan dengan Fakultas Syariah UIN Palangka Raya yang diketuai oleh Dekan Fakultas Syariah, Dr. Syarifuddin, bersama Dr. Jefry Tarantang, Wakil Dekan Bidang Akademik, Puan Maimunah, Wakil Dekan Bidang Administrasi Umum, Perencanaan dan Kewangan, Dr. Ali Murtadho, Wakil Dekan Bidang Kemahasiswaan dan Kerjasama, dan turut hadir juga pensyarah-pensyarah Fakultas Syariah.

Perbincangan bersama Fakultas Syariah lebih menumpukan kepada kerjasama akademik dan perancangan aktiviti sebagai langkah awal ke arah pemeteraian MoU memandangkan UIN baru bertukar status universiti pada tahun 2025 yang lalu. Antara peluang kerjasama yang dibincangkan ialah program mobiliti pelajar dan pensyarah pelawat, penawaran pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) kepada mahasiswa Fakultas Syariah secara double degree, serta peluang kepada pensyarah untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD di UUM.

Kedua-dua pihak turut membincangkan potensi kerjasama dalam bidang penyelidikan, penerbitan, seminar dan persidangan akademik serta pertukaran kepakaran.



SOL turut mengadakan Kunjungan Hormat ke Universitas Palangka Raya (UPR) sebagai sebahagian daripada usaha memperluas jaringan strategik UUM sepanjang berapa di Palangka Raya. Perbincangan di UPR turut dihadiri oleh para mahasiswa Fakultas Hukum yang terdiri dari kalangan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Mereka di beri ruang secara langsung dalam perbincangan ini untuk mengetahui secara lebih jelas mengenai peluang akademik yang ada di UUM.

Kunjungan tersebut memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk memperkenalkan profil dan kekuatan akademik masing-masing serta meneroka bidang-bidang kerjasama yang berpotensi dilaksanakan. SOL turut mengambil kesempatan untuk mempromosikan program-program pengajian yang ditawarkan oleh UUM, bukan sahaja dalam bidang undang-undang tetapi juga program akademik lain yang bersesuaian dengan keperluan dan minat pelajar UPR. UPR sememangnya menantikan peluang yang ada juga untuk bekerjasama dengan SOL Tetapi Sol telah memulakan langkah lebih awal dengan mengadakan kunjung hormat yang sangat di alu-alukan oleh Fakultas Hukum UPR.

Selain itu, program mobiliti pelajar dan staf turut dikenal pasti sebagai antara bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan dalam masa terdekat. Program-program sedemikian dilihat mampu menjadi aktiviti awal yang konkrit sebelum kedua-dua institusi bergerak ke arah pemeteraian MoU**.** Dekan Fakultas Hukum, Dr. Thea Fajuga yang juga merupakan calon pemilihan Rektor UPR menyatakakan bahawa UPR sangat berminat untuk bekerjasama dengan UUM.



Dalam tempoh kunjungan di Palangka Raya, SOL turut mengadakan kunjungan hormat ke Universitas Muhammadiyah Palangka Raya (UMPR) bagi meneroka peluang kerjasama akademik dan memperkenalkan UUM sebagai destinasi pengajian tinggi kepada warga UMPR. Sebagai sebahagian daripada pengisian akademik, Dekan SOL, Prof. Dr. Harlida Abdul Waha**b**, turut menyampaikan syarahan kepada mahasiswa baharu Fakultas Hukum di UPR bertajuk **"**Transforming Legal Education in the Era of Globalization and Digitalization.” Syarahan tersebut mengupas transformasi pendidikan undang-undang dalam era digital, khususnya penggunaan dan penerimaan Kecerdasan Buatan (AI) serta isu etika, integriti akademik dan kepentingan pemikiran kritis dalam pendidikan masa kini.



Dalam masa yang sama, kedua-dua pihak turut membincangkan peluang kerjasama penyelidikan dan penerbitan**,** termasuk kemungkinan menghasilkan penerbitan bersama serta menjalankan projek penyelidikan yang melibatkan pensyarah daripada kedua-dua institusi.

Program mobiliti pelajar dan staf akademik turut diketengahkan sebagai antara aktiviti yang boleh dilaksanakan terlebih dahulu bagi membina hubungan kerja yang lebih kukuh sebelum dimuktamadkan melalui pemeteraian MoU pada masa akan datang.

Kunjungan ke tiga institusi pengajian tinggi di Palangka Raya ini memperlihatkan komitmen SOL UUM untuk memperluas jaringan akademik dan antarabangsa bukan sahaja dalam bidang undang-undang, malah merangkumi pelbagai bidang akademik yang ditawarkan oleh UUM**.**

Pelaksanaan program mobiliti, kolaborasi penyelidikan, penerbitan bersama serta aktiviti akademik lain yang dicadangkan dilihat sebagai langkah strategik untuk membina kerjasama secara berperingkat dan memastikan hubungan antara institusi dapat berkembang secara lebih tersusun sebelum dimeterai melalui MoU.

Kunjungan ini diharapkan dapat membuka lebih banyak ruang kepada mahasiswa dan pensyarah UUM untuk berinteraksi dengan rakan akademik di Indonesia, di samping meningkatkan peluang mahasiswa daripada UIN Palangka Raya, UPR dan UMPR untuk mengenali dan mempertimbangkan UUM sebagai destinasi pengajian tinggi.

Harlida berpandangan bahawa inisiatif ini selaras dengan aspirasi UUM dan SOL untuk memperkukuh jaringan antarabangsa, meningkatkan mobiliti akademik serta membina hubungan strategik dengan institusi pengajian tinggi serantau demi mewujudkan kerjasama yang memberi manfaat bersama.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.